

Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Caj Lawatan Bagi Pelaksanaan Proses Penilaian Jaminan Kualiti

[Surat Makluman MQA Bil. 2/2026 bertarikh 14 Januari 2026]

Ringkasan ketetapan

- i. MQA telah menetapkan kos logistik dan penginapan Ahli Panel Penilai (APP) bagi proses penilaian akreditasi universiti berstatus bukan swaakreditasi; dan penilaian akreditasi program di bawah badan profesional akan ditanggung oleh PPT.
- ii. Setelah genap setahun pelaksanaan, MQA telah melaksanakan soal selidik dalam kalangan PPT yang terlibat dan merumuskan MQA akan mengambil alih semula pengurusan logistik dan penginapan APP dengan caj ditanggung oleh PPT. Kadar caj lawatan bagi proses yang terlibat seperti di **Lampiran A** dan perlu dibayar bersekali semasa permohonan dikemukakan.
- iii. Kadar caj lawatan tersebut akan **berkuat kuasa mulai 1 April 2026** dan tertakluk kepada semakan semula sekiranya berlaku peningkatan kos penginapan dan logistik, serta perubahan ketetapan penilaian MQA dan badan profesional. PPT akan dimaklumkan sekiranya terdapat perubahan kadar caj lawatan tersebut.
- iv. Selaras dengan pindaan tersebut, Surat Makluman Bil. 5/2024 (15 Ogos 2024) berkenaan kadar fi dan caj perkhidmatan MQA serta perincian tatacara tempahan logistik dan penginapan APP bagi lawatan penilaian akreditasi melalui Surat Makluman MQA Bil. 2/2025 (28 Februari 2025) dan Surat Makluman MQA Bil. 8/2025 (28 April 2025) berkaitan kadar fi dan caj perkhidmatan MQA bagi permohonan penilaian APEL adalah terbatal.
- v. Surat makluman ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- vi. Fakulti Kejuruteraan (FK), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB), Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), Fakulti Pertanian (FP), Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) dan fakulti/sekolah yang menawarkan program di bawah penilaian badan profesional perlu mengambil maklum pindaan kadar caj lawatan proses penilaian akreditasi yang terkini.

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
1 Februari 2026